

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]**  
**TARIKH : MAC 2019**

**SOALAN**

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah aspek pembaharuan serta jaminan yang dapat diberikan oleh pihak Kerajaan berkenaan pelantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) agar bersih daripada campur tangan parti politik terutama yang anti Islam dan Ultra Kaisu (Takut kehilangan hingga rasa terancam)

**JAWAPAN: ( YB DATO' DR MUJAHID YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik adalah berdasarkan ilmu pendidikan, kekuatan dan pengalaman dari latar belakang yang berbeza. Ia merupakan gabungan dari golongan bidang profesional, cendekiawan yang pelbagai seperti agama, akademik, perundangan dan lain lain lagi.

Ia diyakini mampu menjana idea dan memberi nasihat kepada pihak pengurusan agensi. Kepelbagaian latar belakang dan pengalaman sedemikian sememangnya sesuai dengan agensi dalam menggerakkan agenda dan fungsi agensi yang ditempatkan.

Selaras dengan peruntukan Seksyen 6A Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [ *Akta 258* ], seseorang tidak layak dilantik atau hilang kelayakan sebagai pemegang amanah sekiranya:

- (i) pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar negara atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM1,000.00 atau penjara tidak kurang daripada satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali;
- (ii) pernah dibuat atau berkuat kuasa suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri, depotasi, sekatan, pengawasan dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia;
- (iii) diisytiharkan bankrap atau belum dilepaskan daripada kebangkrapan; dan
- (iv) telah atau pernah diisytiharkan sebagai tidak siuman.

Justeru, melalui peruntukan yang berkuatkuasa, kerajaan memberi jaminan tiada campur tangan politik di dalam pengurusan dengan pelantikan ALPA yang dibuat.

Pelantikan ini tidak sepatutnya dilihat dari sudut latar belakang politik tetapi masyarakat perlu melihat latar belakang pendidikan yang tinggi dan berpengalaman serta kepakaran dalam pelbagai bidang.